

UPM bermula langkah kanan

Sintok: Universiti Putra Malaysia (UPM) memulakan hari pertama acara olahraga Sukan Universiti Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) di Universiti Utara Malaysia (UUM) 2024, langkah kanan apabila meraih lapan pingat emas, kelmarin.

Kejayaan itu menjadikan UPM berada pada landasan terbaik bagi mencapai sasaran 15 pingat emas diletakkan pihak pengurusan bagi acara olahraga pada temasya SUKIPT edisi ke-6.

Dominasi pingat emas itu termasuk acara lempar cakera lelaki dan wanita menerusi Kamal Farhan A Rahman dan Queenie Ting Kung Ni.

Selain itu, acara 400 meter berpagar lelaki dan wanita masing-masing menerusi Muhammad Aftar Rosli dan Mandy Goh Li.

Dua lagi emas menerusi acara lompat jauh lelaki iaitu Andre Anura Anuar dan 4x400 meter campuran yang dibarisi Alya Ainur Shafiqah, Mandy Goh Li, Anas Ariffin dan Muhammad Saiful Safwan Saifuddin.

Pengurus pasukan olahraga UPM, Shahrulnizar Nurhalim berkata, sebe-



PASUKAN OLAHRAGA

OLAHRAGA | 4X400M CAMPURAN

GANDINGAN 4x400m campuran UPM meraih pingat emas, kelmarin. - Gambar ihsan UPM



lum itu UPM menepati ramalan apabila dua pelari pecut, Aliff Iman Mohd Fahmi dan Azreen Nabila Alias meraih pingat emas dalam acara 100 meter (m)

lelaki dan wanita.

"Kami bersyukur kerana meraih emas disasarkan dalam dua acara pecut, diikuti enam kejayaan lain.

"Sebelum ini berdasar-

kan ranking SUKIPT UUM 2024, kita berada di bawah, jadi dengan acara olahraga ini diharapkan kami dapat terus memperbaiki kedudukan ranking UPM.

"Acara olahraga menyediakan 40 pingat emas keseluruhan dan kita mengharapkan atlet UPM dapat menjaga kesihatan sepanjang baki tiga hari lagi acara berlangsung," katanya.